



Kelantan–Australia fokus pembangunan pendidikan, kemahiran generasi muda

Zakat fitrah dibayar dengan nilai wang demi masalah umat – Mufti Kelantan

Solidariti umat Islam perlu diperkukuh hadapi penindasan global

Pengguna jalan raya diingatkan utamakan keselamatan menjelang Aidilfitri – YB Hilmi

Kelantan umum cuti tambahan sempena sambutan Aidilfitri

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM 15 Mac - Kerajaan Negeri Kelantan mengumumkan hari Khamis, 19 Mac 2026 bersamaan 29 Ramadan 1447 Hijrah sebagai cuti hari kelepasan am bagi seluruh negeri itu sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang, Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata keputusan tersebut diper-setujui oleh kerajaan negeri bagi memberi laluan kepada rakyat negeri ini membuat persiapan menyambut lebaran di samping membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas menjelang musim perayaan.

Menurutnya, cuti tambahan itu juga diharap dapat memberi ruang kepada orang ramai untuk melu-



angkan masa berkualiti bersama keluarga tersayang.

“Kerajaan Negeri Kelantan telah bersetuju menjadikan hari Khamis, 29 Ramadan 1447H bersamaan 19 Mac 2026 sebagai cuti hari kelepasan am bagi seluruh negeri Kelantan sempena Hari Raya Aidilfitri.


“Langkah ini bagi memberi laluan kepada persiapan menyambut hari lebaran dan mengurangkan kesesakan lalu lintas,” katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Beliau turut berharap cuti berkenaan dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh rakyat untuk bersama keluarga dalam suasana penuh ke-

berkatan menjelang Aidilfitri.

“Semoga cuti hari kelepasan am ini menjadi peluang berharga untuk dimanfaatkan bersama keluarga tercinta,” katanya.

Beliau turut mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh umat Islam dengan ucapan “Maaf Zahir dan Batin”.



“Langkah ini bagi memberi laluan kepada persiapan menyambut hari lebaran dan mengurangkan kesesakan lalu lintas,”

Petugas media perlu sentiasa siap siaga walau musim cuti - Exco Penerangan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 16 Mac – Petugas media negeri diingatkan supaya sentiasa berada dalam keadaan siap siaga, khususnya menjelang musim perayaan Aidilfitri yang bakal tiba.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, peranan agensi me-

dia rasmi Kerajaan Negeri Kelantan khasnya Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) amat penting dalam memastikan maklumat yang tepat dan sahih terus disampaikan kepada rakyat tanpa mengira masa.

“Menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri nanti, walaupun kita bercuti dan pulang ke kampung halaman, jentera penerangan perlu sentiasa bersedia. Kita mesti kekal

‘on-call’ dan bersedia menjalankan tugas dengan penuh iltizam apabila diperlukan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Keraian dan Moreh Kakitangan UPKN yang berlangsung di pekarangan pejabat UPKN, selepas solat tarawih, malam tadi.

Menurutnya, komitmen tinggi dan disiplin dalam kalangan anggota UPKN menjadi kunci utama

dalam memastikan penyampaian maklumat kerajaan negeri berjalan lancar, terutamanya dalam tempoh yang memerlukan kecekapan dan tindak balas pantas.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada seluruh warga UPKN atas dedikasi dan kesungguhan yang ditunjukkan selama ini dalam memperkukuh sistem penyampaian maklumat negeri.

Majlis tersebut turut diserikan dengan jamuan moreh serta sesi santai yang mengeratkan hubungan sesama kakitangan.

Turut diadakan penyampaian duit raya kepada kakitangan serta anak-anak yang hadir, sekali gus menambah kemeriahan suasana dan menyemai semangat kebersamaan dalam kalangan warga UPKN.



Kelantan–Australia fokus pembangunan pendidikan, kemahiran generasi muda



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 18 Mac – Usaha memperkasakan generasi muda melalui pendidikan, pembangunan kemahiran dan peluasan peluang kerjaya menjadi fokus utama dalam perbincangan antara Kerajaan Negeri Kelantan dan Australia sempena kunjungan rasmi Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, TYT Danielle Heinecke, ke negeri ini, semalam.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata pertemuan yang berlangsung di pejabatnya, di Mabna itu membuka ruang kepada kedua-dua pihak meneroka peluang

kerjasama strategik dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, pendidikan, pertukaran budaya serta pembangunan insan.

Menurutnya, penekanan terhadap pembangunan generasi muda adalah selari dengan komitmen kerajaan negeri dalam melahirkan tenaga kerja masa depan yang berdaya saing dan berkemahiran tinggi.

“Perbincangan menekankan usaha memperkasakan generasi muda melalui pendidikan, pembangunan kemahiran dan penciptaan peluang kerjaya yang lebih luas.

“Ini selaras dengan komitmen

kerajaan negeri untuk memastikan pertumbuhan yang inklusif dan mampan,” katanya menerusi kenyataan di laman rasmi, pada Isnin.

Dalam pertemuan tersebut, beberapa projek pembangunan utama negeri turut dibincangkan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi, antaranya kemajuan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), pengembangan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) serta pembangunan strategik Pangkalan Bekalan Tok Bali.

Menurutnya, projek-projek berkenaan berpotensi memperkukuh hubungan serantau serta

menarik lebih banyak pelaburan ke Kelantan.

Kedua-dua pihak turut berkongsi pandangan mengenai kepentingan mempererat kerjasama berasaskan prinsip saling menghormati serta penglibatan konstruktif dalam mendepani cabaran landskap global semasa.

“Hubungan antara rakyat, pemahaman budaya serta kerjasama dalam bidang ilmu dan inovasi akan terus menjadi asas penting dalam memperkukuh hubungan dua hala ini,” jelasnya.

Selain itu, beliau menyatakan keyakinan terhadap perkembangan sektor pelancongan negeri, termasuk potensi pelancongan kesihatan yang semakin berkembang serta peningkatan kesalinghubungan antarabangsa melalui penerbangan terus.

Beliau turut merakamkan penghargaan atas hubungan persahabatan berterusan antara Australia dan Malaysia, selain berharap kerjasama tersebut terus diperkukuh demi manfaat bersama pada masa hadapan.



Mahasiswa digesa peka isu semasa

Oleh: Syamimi Manah

PENKALAN CHEPA, 16 Mac – Mahasiswa diseru supaya sentiasa peka terhadap perkembangan isu semasa sebagai persediaan menghadapi cabaran masa depan serta memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan masyarakat dan negara.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kijang YB Dato' Dr. Izani Husin berkata kepekaan terhadap situasi semasa amat penting bagi memastikan generasi muda mampu memahami realiti semasa, membaca perubahan masa depan dan bertindak secara bijaksana dalam menghadapi pelbagai cabaran.

Menurutnya, mahasiswa sebagai golongan terpelajar perlu mempunyai kesedaran tinggi terhadap perkembangan semasa kerana mereka bakal memikul tanggungjawab besar dalam menentukan hala tuju negara pada masa hadapan.

“Mahasiswa tidak boleh bersikap tidak ambil tahu tentang



perkembangan semasa kerana masa depan negara suatu hari nanti berada di bahu generasi muda hari ini. Belajarlah memahami realiti, membaca masa depan dan berjuang dengan hikmah demi kebaikan masyarakat,” katanya menerusi laman rasmi, semalam.

Beliau menyampaikan pesanan tersebut ketika menghadiri Majlis Iftar Mahasiswa DUN Kijang yang menghimpunkan kira-kira 100 mahasiswa di PCB Resort, Pantai Cahaya Bulan, di sini, pada Sabtu lalu.

Dalam majlis tersebut, Dato' Dr. Izani yang juga Exco Kerajaan

Negeri Kelantan turut berkesempatan bertemu serta berbuka puasa bersama para mahasiswa, di samping menyampaikan sumbangan bantuan Institut Pengajian Tinggi (IPT) sebagai tanda sokongan terhadap usaha mereka menuntut ilmu.

Beliau turut menasihati mahasiswa agar menumpukan perhatian terhadap pelajaran serta membina jati diri yang berteraskan nilai integriti, amanah dan tanggungjawab.

“Tuntutlah ilmu bersungguh-sungguh, belajar dengan tekun dan bekerja dengan rajin. Apabila

berjaya serta dikurniakan rezeki, jadilah insan yang memberi manfaat kepada orang lain, membantu masyarakat serta tidak melupakan jasa ibu bapa,” katanya.

Tambahnya, mahasiswa juga perlu menjadikan prinsip Islam sebagai panduan dalam kehidupan, selain mengamalkan nilai-nilai murni dalam setiap tindakan.

“Semoga mahasiswa DUN Kijang terus melangkah dengan ilmu, kesungguhan dan nilai yang baik untuk menjadi generasi yang cemerlang serta memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara,” ujarnya.



Zakat fitrah dibayar dengan nilai wang demi masalah umat – Mufti Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 16 Mac – Mufti Kerajaan Negeri Kelantan Sahibul Samahah YB Dato' Kaya Perba Dato' Mohamad Shukri Mohamad memaklumkan bahawa amalan membayar zakat fitrah menggunakan nilai wang yang dilaksanakan di Kelantan dan beberapa negeri lain di Malaysia dibuat berasaskan masalah umat serta kemudahan pentadbiran agihan kepada golongan fakir dan miskin.

Menurutnya, secara asas kadar zakat fitrah menurut Mazhab Syafie ialah segantang beras sebagai makanan asasi. Namun, ulama di Malaysia berpandangan bahawa pembayaran dalam bentuk nilai wang boleh dilaksanakan berasaskan pandangan Mazhab Abu Hanifah, yang membenarkan zakat fitrah dinilai berdasarkan harga bagi memudahkan pelaksanaannya.

“Sekiranya zakat fitrah dibayar menggunakan beras, ia boleh menimbulkan kesukaran atau masyaqqah kepada pihak pentadbiran dalam menguruskan penghantaran dan pengagihan beras kepada

golongan fakir dan miskin.

“Justeru diputuskan bahawa segantang beras itu boleh dinilai dengan harga. Sebab itu pada tahun ini bayaran zakat fitrah ditetapkan sebanyak RM10, berdasarkan nilai segantang beras,” jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan penjelasan dalam Program Bicara Mufti Siri 1, terbitan Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) yang berlangsung di Studio Media Point, di sini hari ini.

Menurutnya, pelaksanaan kaedah tersebut bukan bermaksud menyimpang daripada pandangan Mazhab Syafie secara sewenang-wenangnya, sebaliknya dibuat berdasarkan kepentingan dan kemaslahatan umat Islam.

Beliau menjelaskan bahawa sebarang keputusan berkaitan pentadbiran agama tidak boleh dibuat secara individu, sebaliknya perlu diputuskan oleh Ulil Amri serta mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

“Keputusan ini mesti selepas mendapat perkenan Tuanku Al-Sultan. Ia bukan boleh dibuat



sewenang-wenangnya, tetapi perlu diputuskan oleh Ulil Amri.

“Jadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan telah memutuskan bahawa daripada segantang beras itu ditukar kepada nilai wang,” jelasnya.

Mengulas dakwaan bahawa kadar RM10 di Kelantan lebih tinggi berbanding negeri lain, beliau berkata penetapan tersebut dibuat berdasarkan jenis beras yang menjadi makanan kebiasaan masyarakat di negeri ini.

“Ada yang makan beras super, ada yang makan beras sederhana dan ada yang makan beras biasa. Selepas mengambil kira semua faktor tersebut, maka ditetapkan kadar

zakat fitrah sebanyak RM10,” katanya.

Walau bagaimanapun, beliau menjelaskan bahawa pembayaran zakat fitrah menggunakan beras masih sah dari segi hukum.

Namun dari sudut pentadbiran, masyarakat disaran mengikutinya kadar yang telah diputuskan oleh Ulil Amri bagi memastikan pengurusan zakat fitrah dapat dilaksanakan secara tersusun dan berkesan.

“Kalau ada yang mahu membayar dengan beras, ia tetap sah. Tetapi dari sudut pentadbiran, apabila Ulil Amri telah membuat keputusan, maka kita taat kepada Ulil Amri. Jika tidak, keadaan boleh menjadi tidak teratur,” katanya.

Rakan Masjid X Rakan Muda Ramadan platform dekati belia dengan institusi masjid



Oleh: Asri Hamat


KOTA DARULNAIM, 15 Mac – Institusi masjid perlu terus diperkasa sebagai pusat pembinaan masyarakat yang mendidik dari sudut ibadah dan membentuk jati diri serta akhlak khususnya dalam kalangan generasi muda.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Mohamad berkata, penglibatan belia dalam aktiviti

berteraskan masjid penting bagi memastikan nilai agama, semangat kebersamaan serta tanggungjawab sosial terus subur dalam masyarakat.

Katanya, pendekatan sebegini mampu membuka ruang kepada golongan belia untuk lebih mengenali fungsi sebenar masjid.

“Masjid bukan sekadar tempat beribadah, tetapi juga medan membina kepimpinan, mengukuhkan ukhuwah serta memupuk semangat



khidmat kepada masyarakat,” katanya menerusi media sosial pada Sabtu.

Terdahulu YB Zamakhshari bersama Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan Saipudin Zakaria serta Ketua Jajahan Pasir Mas Fazrul Azan Mohd Basari menghadiri Program Rakan Masjid X Rakan Muda Ramadan Peringkat Negeri Kelantan yang berlangsung di Masjid Jamek Jubli Perak Sultan Ismail Petra, (Masjid Beijing) Ran-

tau Panjang pada Khamis lepas.

Program anjuran Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan tersebut menarik lebih 1000 belia dan komuniti setempat.

Sepanjang program berlangsung, pelbagai pengisian menarik telah diadakan antaranya pertandingan tulisan kaligrafi khat, pertandingan hafazan al-Quran serta pertandingan azan dan iqamah.

Menurut YB Zamakhshari lagi, usaha mempertemukan belia dengan institusi masjid memberi impak besar dalam membentuk generasi yang seimbang dari sudut rohani, sahsiah serta peranan dalam komuniti.

“Apabila masjid menjadi tempat yang mesra belia, akan lahir lebih ramai anak muda yang dekat dengan agama dan aktif menyumbang kepada masyarakat,” jelasnya.

Program Dakwah Belantara santuni masyarakat Orang Asli Pos Pasik

Oleh: Syamimi Manah

GUA MUSANG, 16 Mac – Program Dakwah Belantara dan Majlis Berbuka Puasa Bersama Masyarakat Orang Asli Pos Pasik Daerah Gua Musang memberi ruang kepada masyarakat Orang Asli setempat bersama-sama mengimarahkan Ramadan melalui pengisian ibadah serta penyampaian sumbangan kebajikan.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad berkata Ramadan merupakan waktu yang sesuai untuk mendekati masyarakat di samping berkongsi rezeki dan memperkukuh hubungan sesama komuniti.

Menurutnya, peluang meluangkan masa bersama masyarakat Orang Asli di Pos Pasik memberi



pengalaman yang bermakna selain membuka ruang untuk memahami kehidupan komuniti di kawasan pedalaman dengan lebih dekat.

“Perjalanan menuju ke Pos Pasik mengambil masa lebih satu jam merentasi kawasan pedalaman. Walaupun agak mencabar, perjalanan ini memberi peluang untuk melihat sendiri kehidupan masyarakat di kawasan tersebut,” katanya di laman rasmi, semalam selepas

merasmikan program berkenaan pada Sabtu.

Program tersebut diserikan dengan majlis berbuka puasa, solat berjemaah termasuk tarawih serta penyampaian sumbangan Ramadan dan duit raya kepada masyarakat Orang Asli di pos berkenaan.

Antara sumbangan yang disampaikan ialah 100 kampak beras, 100 helai kain telekung solat serta 100 pek perisa minuman bagi memban-



tu keperluan masyarakat setempat sepanjang Ramadan.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Penyelia DUN Nenggiri Rizwadi Ismail serta Yayasan Amal Malaysia Cawangan Kelantan atas penganjuran program berkenaan dan komitmen berterusan dalam melaksanakan aktiviti dakwah serta kebajikan kepada masyarakat setempat.

Kempen Tak Nak Beg Plastik: Orang ramai digalakkan guna raga, beg kitar semula ketika beli-belah



Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 16 Mac – Orang ramai digalakkan membawa raga, beg guna semula atau beg kitar semula ketika membeli-belah sebagai usaha mengurangkan penggunaan plastik sekali guna susulan pelancaran Kempen Tak Nak Beg Plastik peringkat Majlis Daerah Machang.

Kempen tersebut dilancarkan oleh Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah bersa-

ma Yang Dipertua Majlis Daerah Machang, Mohd Zamri Ibrahim bersempena perasmian pembukaan Pasaraya Pantai Timor, di Sri Mentara Machang, semalam.

YB Hilmi berkata kempen berkenaan merupakan langkah penting dalam meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kesan jangka panjang penggunaan plastik sekali guna terhadap alam sekitar.

Menurutnya, statistik yang dikeluarkan oleh Tabung Alam Sedunia

(WWF) menunjukkan penggunaan bungkusan plastik makanan di Malaysia pada tahun 2020 sahaja dianggarkan mencecah 148,000 metrik tan.

“Setiap isi rumah di negara ini menggunakan kira-kira 16.8 kilogram plastik setahun. Statistik ini menunjukkan Malaysia antara penyumbang utama pencemaran plastik di Asia dan berada pada kedudukan kelapan daripada sepuluh negara di dunia yang masih ber-

depan cabaran mengurus sisa plastik secara sistematik,” jelasnya.

Tambahnya, kajian turut mendapati bahan buangan plastik mengambil masa antara 400 hingga 1,000 tahun untuk terurai secara semula jadi, sekali gus memberi kesan jangka panjang terhadap alam sekitar dan ekosistem.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan telah memperkenalkan Pelan Hala Tuju Ke arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018–2030 bagi meningkatkan kesedaran masyarakat serta menggalakkan perubahan gaya hidup yang lebih lestari.

Di peringkat negeri pula, beliau memaklumkan bahawa Kerajaan Kelantan melalui pihak berkuasa tempatan turut melaksanakan kempen Kelantanku Bersih bagi memupuk kesedaran masyarakat agar lebih mencintai kebersihan serta menjaga kelestarian alam sekitar.

“Saya menggalakkan orang ramai membawa raga atau beg guna semula ketika membeli-belah di pasar awam, pasar raya dan kedai serbaneka di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Machang sebagai usaha bersama mengurangkan penggunaan plastik sekali guna,” ujarnya.



Solidariti umat Islam perlu diperkukuh hadapi penindasan global

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 15 Mac - Umat Islam diseru memperkukuh perpaduan dan solidariti sesama mereka bagi menghadapi penindasan yang menimpa negara serta masyarakat Islam di seluruh dunia, khususnya di Palestin dan Iran.

Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasruddin Daud berkata, solidariti tersebut penting bagi menyatakan sokongan terhadap umat Islam yang sedang berdepan serangan dan konflik di kedua-dua wilayah tersebut.

Beliau menegaskan bahawa setiap negara mempunyai kedaulatan yang perlu dihormati oleh pihak lain, prinsip yang telah diiktiraf sejak zaman dahulu lagi, bukan hanya dalam era moden.

Beliau turut mengaitkan keadaan itu dengan kisah dalam al-Quran mengenai perjalanan hidup Nabi Musa a.s yang melarikan diri dari Mesir selepas menentang kezaliman pemerintah pada zaman tersebut, iaitu Firaun.

Menurutnya, Nabi Musa kemudian menuju ke negeri Madyan yang kini berada di kawasan Jor-



dan, sebelum bertemu dengan Nabi Shuib yang menyatakan bahawa Nabi Musa selamat berada di wilayah Madyan.

Katanya, kisah itu menunjukkan bahawa walaupun pemerintah zalim pada waktu itu mempunyai kuasa besar, mereka masih menghormati sempadan wilayah negara lain.

“Namun keadaan hari ini dilihat berbeza apabila terdapat kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat yang didakwa bertindak tanpa menghormati undang-undang antarabangsa,” katanya ketika berucap di Program Solidariti dan sokongan kepada Iran dan Palestin

di Dataran Ilmu, di sini, pada Jumaat.

Beliau turut mempersoalkan peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menurutnya dilihat tidak berupaya bertindak tegas terhadap konflik yang melibatkan negara Islam.

Dalam masa sama, beliau menyatakan bahawa perpecahan dalam kalangan negara Islam menjadi antara faktor utama yang melemahkan kekuatan umat.

Katanya, terdapat negara Arab yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel walaupun rakyat Palestin yang juga beragama Islam terus berdepan penjajahan dan

penindasan.

“Jumlah umat Islam di dunia sangat besar, tetapi jika berpecah-belah, kekuatan itu menjadi lemah seperti buih di lautan,” jelasnya.

Sehubungan itu, beliau menggesa umat Islam supaya bersatu tanpa mengira perbezaan mazhab atau latar belakang, termasuk dalam menghadapi konflik yang berlaku di Iran dan Palestin.

Menurutnya lagi, solidariti yang ditunjukkan oleh umat Islam akan memberi mesej bahawa masyarakat Islam tidak berdiam diri terhadap penindasan terhadap umat Islam di seluruh dunia.

85 keluarga asnaf terima sumbangan zakat sempena persiapan Syawal



Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 16 Mac – Sebanyak 85 keluarga asnaf menerima sumbangan zakat bagi membantu persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri dalam dua majlis penyampaian yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Mohamad Fadzli Hassan, semalam.

Majlis tersebut berlangsung di Masjid Rahmaniah Kampung Raja serta Masjid Pasir Senor, melibatkan penerima daripada beberapa mukim di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Temangan.

Di Masjid Pasir Senor, sebanyak 45 penerima daripada kalangan asnaf dari Mukim Pasir Senor, Mukim Kerilla dan Mukim Temangan Lama dengan setiap mukim

melibatkan 15 penerima.

Sementara itu, di kawasan Kampung Raja dan Kampung Tok Bilal, sebanyak 40 penerima dipilih dengan setiap mukim melibatkan 20 penerima.

Dato' Dr Mohamad Fadzli yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Temangan berkata, sumbangan tersebut merupakan sebahagian daripada usaha berterusan bagi

membantu golongan yang memerlukan, khususnya dalam membuat persiapan menjelang sambutan Aidilfitri.

Menurutnya, masyarakat di Kampung Raja dan Kampung Tok Bilal sentiasa dekat di hatinya, justeru kebajikan penduduk setempat menjadi antara keutamaan yang sentiasa diberi perhatian.

“Agihan zakat ini merupakan sebahagian daripada usaha kita untuk membantu golongan asnaf serta mereka yang memerlukan supaya kebajikan rakyat terus terpelihara.

“Diharapkan sumbangan ini dapat membantu meringankan beban penerima dan membolehkan mereka membuat persiapan menyambut Aidilfitri dengan lebih sempurna,” katanya.

Ketua keluarga disaran semak bajet isi rumah susulan ketidaktentuan ekonomi



Oleh: Syamimi Manah

KUALA LUMPUR, 15 Mac – Ketua keluarga disaran menyemak semula bajet isi rumah dan mengutamakan perbelanjaan keperluan asas susulan ketidaktentuan ekonomi global yang berpotensi memberi kesan kepada kos sara hidup rakyat.

Ahli Dewan Negara YB Senator Dr Wan Martina Wan Yusoff berkata perkembangan konflik di Iran kini mula memberi tekanan kepada kestabilan harga minyak global serta rantai bekalan barangan keperluan.

Menurutnya, ketidaktentuan

geopolitik di Timur Tengah tidak boleh dipandang ringan kerana ia berpotensi memberi kesan langsung kepada ekonomi domestik termasuk peningkatan kos pengangkutan dan harga barangan harian.

“Saya menyeru rakyat Malaysia agar lebih berwaspada dan mula mengambil langkah penjimatan secara proaktif. Kenaikan harga bahan api global bukan sahaja menjajaskan kos pengangkutan, malah boleh mencetuskan kesan rantaian terhadap harga barangan dapur dan perkhidmatan harian,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau turut mencadangkan agar

rakyat menyemak semula corak perbelanjaan serta mengurangkan aktiviti yang tidak bersifat keperluan mendesak sebagai langkah awal menghadapi kemungkinan peningkatan kos sara hidup.

Dr Wan Martina berkata beberapa negara lain juga kini sedang mengambil langkah bagi menyesuaikan dasar ekonomi mereka berdepan situasi ketidaktentuan pasaran tenaga dunia.

Menurutnya, Indonesia sedang meneliti langkah bagi mengurangkan penggunaan bahan api nasional bagi mengekalkan kestabilan subsidi negara, manakala Filipina memperkukuh strategi domestik

untuk menghadapi kenaikan kos pengangkutan.

Di Eropah pula, katanya, negara seperti Belgium dan Jerman telah mula mengamalkan budaya penjimatan tenaga secara menyeluruh bagi mengurangkan kos operasi serta kebergantungan kepada sumber tenaga luar.

Beliau menegaskan bahawa persediaan sendiri merupakan benteng pertama bagi menghadapi ketidaktentuan ekonomi global dan rakyat tidak boleh menunggu sehingga krisis mencapai tahap kritikal untuk bertindak.

“Dengan menguruskan penggunaan sumber dan tenaga secara lebih berhemah di peringkat rumah dan perniagaan, kita secara kolektif dapat membantu meringankan tekanan terhadap ekonomi negara,” ujarnya.

Dalam masa sama, Ahli Dewan Negara itu berkata, beliau akan terus memastikan suara rakyat didengari supaya mekanisme bantuan bersasar oleh kerajaan dapat disalurkan kepada golongan yang paling terkesan dengan peningkatan kos sara hidup.

Seminar hala tuju STAM dedah laluan pengajian ke IPT dalam dan luar negara

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 15 Mac – Seminar Hala tuju Pengajian Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) 2026 menjadi platform penting dalam memberi pendedahan kepada pelajar Yayasan Islam Kelantan (YIK) mengenai pelbagai laluan pengajian pasca STAM termasuk peluang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara.

Program selama tiga hari yang berlangsung pada 10 hingga 12 Mac itu melibatkan penyertaan pelajar dari sekolah-sekolah kelolaan YIK dan bertujuan membantu mereka merancang masa depan pendidikan secara lebih terarah.

Seminar berkenaan dirasmikan oleh Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato’ Wan Roslan Wan Hamat, di Dewan Besar YIK, Tunjong, pada Khamis lalu.



Dalam ucapannya, Dato’ Wan Roslan menegaskan bahawa STAM merupakan antara laluan penting dalam melahirkan generasi ilmuwan Islam yang berupaya meneruskan tradisi keilmuan dalam bidang syariah, usuluddin, bahasa Arab serta pelbagai disiplin ilmu Islam.

Menurutnya, pendidikan agama yang kukuh perlu disertai dengan kesungguhan menuntut ilmu, keikhlasan serta kesedaran ter-

hadap tanggungjawab sebagai pewaris tradisi keilmuan Islam.

“Seminar ini merupakan antara inisiatif bagi membantu pelajar STAM membuat perancangan pengajian secara lebih terarah di samping meningkatkan motivasi mereka dalam menghadapi peperiksaan.

“Kita berharap program seperti ini dapat memberi manfaat kepada para pelajar serta menjadi pemangkin kepada lahirnya generasi ulama, cendekiawan dan pendak-

wah yang mampu memimpin masyarakat dengan ilmu dan hikmah,” katanya.

Sepanjang seminar berlangsung, para pelajar turut didedahkan dengan maklumat berkaitan peluang melanjutkan pengajian ke universiti tempatan dan antarabangsa, selain mendapat panduan berkaitan perancangan akademik selepas menduduki peperiksaan STAM.

Turut hadir, Pengarah YIK Shamsul Abu Bakar.

300 asnaf DUN Kijang terima sumbangan zakat PKINIK dan KOOP-Air

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 15 Mac – Sebanyak 300 asnaf di DUN Kijang menerima sumbangan zakat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Koperasi Kakitangan dan Keluarga Air Kelantan Berhad (KOOP-Air) sebagai persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.

Majlis Penyampaian Sumbangan Zakat DUN Kijang itu telah disempurnakan oleh Exco Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Izani Husin di Dewan Terbuka PASTI Al-Haq, Kedai Buloh, di sini, pada Jumaat.

Dalam ucapannya, Dato' Dr Izani menzahirkan penghargaan kepada pihak yang terlibat khususnya PKINK dan KOOP - AIR dalam menjayakan program kebaji-



kan tersebut serta memilih DUN Kijang sebagai lokasi penyampaian zakat pada tahun ini.

Menurutnya, sumbangan yang disampaikan itu diharapkan dapat membantu meringankan beban golongan asnaf dalam membuat persiapan menjelang sambutan Aidilfitri.

“Walaupun nilainya tidak besar, sumbangan ini amat bermakna buat rakyat DUN Kijang, khususnya ke-

pada para penerima yang sedang membuat persiapan menyambut Hari Raya nanti,” katanya.

Beliau turut mendoakan agar segala kebaikan yang disumbangkan oleh pihak PKINK dan KOOP-Air menjadi asbab keberkatan kepada semua pihak yang terlibat.

Dalam pada itu, beliau juga mengambil kesempatan mengingatkan umat Islam agar memanfaatkan baki Ramadan dengan

memperbanyakkan amalan ibadah, khususnya pada sepuluh malam terakhir yang penuh dengan kelebihan.

“Marilah kita menghidupkan setiap malam di penghujung Ramadan seolah-olah itulah malam Lailatul Qadr. Perbanyakkan istighfar, memohon keampunan daripada Allah serta jangan meremehkan walau sekecil mana amalan kebaikan,” serunya.

300 armalah DUN Guchil terima sumbangan RM60,000



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA KRAI, 15 Mac – Sebanyak 300 armalah di DUN Guchil menerima sumbangan kewangan berjumlah RM60,000 menerusi Majlis Penyampaian Sumbangan Ad-Hoc Fasa 1 bagi tahun 2026.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah bersama Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latiff Abdul Rahman, sebagai tanda keprihatinan Kerajaan Negeri Kelantan terhadap kebajikan golongan ibu tunggal di

negeri ini.

Sumbangan tunai yang diagihkan kepada para penerima merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan negeri dalam membantu meringankan beban kehidupan golongan armalah, khususnya dalam menghadapi cabaran kos sara hidup.

Menurutnya, kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian terhadap kebajikan golongan tersebut yang memainkan peranan besar dalam membesarkan keluarga dengan penuh kesabaran dan ketabahan.

“Di Kelantan, kita menggunakan istilah armalah sebagai pang-

gilan yang penuh penghormatan kepada ibu-ibu tunggal. Istilah ini diperkenalkan oleh Almarhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai pengiktirafan terhadap pengorbanan mereka dalam membesarkan anak-anak,” katanya, ketika berucap dalam majlis berkenaan, semalam.

Beliau turut memaklumkan bahawa kerajaan negeri bercadang untuk meneruskan penyampaian sumbangan Fasa 2 yang dijangka dilaksanakan pada bulan Mei nanti

bagi memperluaskan lagi bantuan kepada golongan berkenaan.

Dalam masa sama, beliau menzahirkan penghargaan terhadap pengorbanan para armalah yang gigih membesarkan anak-anak walaupun berdepan pelbagai ujian kehidupan.

“Setiap pengorbanan seorang ibu yang membesarkan anak sendirian, setiap usaha mencari rezeki halal serta kesabaran menghadapi ujian hidup adalah sesuatu yang amat besar nilainya di sisi Allah SWT,” ujarnya.



Kebajikan yang memanusiaikan: Menelusuri skim bantuan armalah Kelantan dalam bingkai sosial dan warisan Umar al-Khattab



Oleh: Norzana Razaly

Dalam mana-mana masyarakat yang ingin berdiri teguh sebagai masyarakat berperadaban, ukuran kemajuannya tidak seharusnya dibatasi oleh angka pelaburan, pembangunan fizikal atau pertumbuhan ekonomi semata-mata. Ukuran yang lebih halus tetapi jauh lebih bermakna ialah sejauh mana sesebuah kerajaan memandang golongan rentan dengan pandangan ihsan, menyediakan perlindungan sosial yang berstruktur, dan membuka ruang maruah untuk mereka bangkit semula.

Dalam konteks ini, usaha kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan terhadap golongan armalah memperlihatkan suatu pendekatan yang bersifat pentadbiran dan berakar pada falsafah sosial yang mendalam.

Panggilan hormat

Istilah “armalah” dipilih sebagai panggilan yang penuh penghormatan kepada wanita yang kematian suami, sekali gus mengangkat kedudukan mereka sebagai insan yang memikul amanah besar dalam keluarga dan masyarakat.

Penggunaan istilah yang diperkenalkan oleh Almarhum Tan Sri Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat, penting dari sudut sains sosial kerana bahasa adalah pembentuk kesedaran kolektif. Apabila golongan ibu tunggal disebut dengan istilah yang sarat martabat, maka dasar kebajikan itu sendiri bergerak daripada kerangka belas kasihan kepada kerangka pengiktirafan sosial.

Atas asas itu, beberapa inisiatif kebajikan yang dirangka oleh Kerajaan Negeri Kelantan wajar dilihat sebagai sebahagian daripada

ekosistem perlindungan sosial. Skim Manfaat Armalah (SMA), misalnya, memberi bantuan kepada wanita yang baru kehilangan suami. Pada saat duka masih tebal dan struktur hidup keluarga belum stabil, bantuan seperti ini sangat signifikan.

Dalam analisis sains sosial, fasa awal selepas kehilangan pasangan merupakan tempoh paling kritikal kerana isi rumah akan berhadapan kejutan emosi, ketidaktentuan pendapatan dan gangguan rutin penjagaan anak. Bantuan segera pada tahap ini berfungsi sebagai penampungan sosial agar keluarga tidak terus tergelincir ke jurang kemiskinan.

Begitu juga dengan Skim Khairat Armalah (SKA), yang memberi khairat kematian kepada waris armalah yang meninggal dunia. Skim ini memperlihatkan bahawa kebajikan negeri tidak terhenti setakat kehidupan armalah semasa masih hidup, tetapi turut mengambil kira beban waris setelah pemergian mereka. Ini penting kerana kematian dalam keluarga miskin sering membawa implikasi kewangan yang besar, bahkan boleh mencetuskan hutang baharu. Dengan kata lain, intervensi ini menzahirkan bahawa kebajikan yang berkesan ialah kebajikan yang memahami kitaran hidup manusia secara menyeluruh.

Lebih menarik, pendekatan Kerajaan Negeri tidak terhad kepada bantuan konsumtif. Melalui bantuan Ad-Hoc Armalah dan program Sosio-Ekonomi Armalah yang menyediakan peralatan perniagaan, terdapat usaha jelas untuk mengubah bantuan kepada pemerksaan.

Dalam kerangka pembangunan sosial, bantuan tunai penting untuk kelegaan jangka pen-

dek, tetapi kelangsungan hidup yang bermaruah memerlukan keupayaan menjana pendapatan sendiri. Justeru, apabila armalah dibantu dengan peralatan perniagaan, kerajaan sebenarnya sedang memindahkan mereka daripada status penerima pasif kepada pelaku ekonomi yang aktif. Inilah bentuk kebajikan progresif, yakni kebajikan yang membina daya tahan.

Prinsip kebajikan

Di sinilah relevannya kita mengaitkan inisiatif ini dengan konsep kebajikan pada era Khalifah Umar al-Khattab. Dalam sejarah pemerintahan Islam, Umar al-Khattab sering dirujuk sebagai model kepemimpinan yang tegas pada dasar tetapi lembut pada keadilan sosial. Pemerintahannya memastikan kebajikan rakyat menjadi amanah langsung negara. Riwayat-riwayat tentang beliau yang turun sendiri meninjau keadaan rakyat, memikul gandum untuk keluarga yang kelaparan, dan memastikan golongan lemah tidak terbiar, menunjukkan bahawa dalam tradisi Islam, negara tidak boleh bersikap neutral terhadap penderitaan sosial.

Lebih penting lagi, prinsip kebajikan pada era Umar bukan bersifat karitatif semata-mata, tetapi bersifat institusional. Negara berfungsi sebagai pelindung kepada balu, anak yatim, fakir miskin dan mereka yang kehilangan sumber sokongan hidup. Dalam semangat itulah, Skim Pendidikan Anak Yatim serta Skim Bantuan Bapa Tunggal di Kelantan perlu dibaca.

Kerajaan bukan hanya menumpukan wanita yang kehilangan suami, tetapi juga anak-anak yatim yang memerlukan kesinambungan pendidikan serta lelaki miskin yang kematian isteri. Ini menggambarkan suatu kefahaman bahawa kerentanan sosial mempunyai pelbagai wajah, dan setiap wajah memerlukan respons dasar yang adil serta kontekstual.

Program Himpunan Armalah DUN



Beberapa majlis penyampaian bantuan yang berlangsung sekitar Mac mengukuhkan lagi gambaran tersebut. Pada 13 Mac, Program Himpunan Armalah Peringkat DUN Meranti 2026

di Madrasah Nasrullah Pohon Buluh, Pasir Mas, menyaksikan sejumlah 577 armalah menerima bantuan. Majlis yang disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Dato' Ustaz Mohd Nassuruddin Daud itu adalah manifestasi kehadiran pemimpin negeri di tengah masyarakat.

Dari kaca mata sains politik kebajikan, kehadiran pemimpin dalam program seperti ini membawa makna besar kerana ia membina legitimasi moral bahawa kerajaan bukan entiti jauh yang hanya wujud di pejabat, sebaliknya hadir menyentuh denyut rakyat.

Anugerah Tokoh Armalah Sosio Ekonomi DUN Meranti kepada Kalsom Hussin turut memberikan dimensi yang lebih mendalam. Pengiktirafan terhadap ketabahan beliau membesarkan anak-anak hasil berniaga kecil-kecilan selepas kehilangan suami 29 tahun lalu memperlihatkan bahawa dasar kebajikan yang baik bukan hanya memberi bantuan, tetapi juga mengangkat naratif teladan.

Dalam masyarakat, kisah-kisah seperti ini mempunyai fungsi sosial yang sangat kuat yang mampu membina imaginasi harapan, mengurangkan rasa terencil dalam kalangan armalah lain dan menegaskan bahawa kehilangan tidak semestinya mengakhiri potensi kehidupan.

Hal yang sama dapat diperhatikan dalam program di DUN Guchil pada 15 Mac, apabila 300 armalah menerima sumbangan kewangan berjumlah RM60,000 menerusi Majlis Penyampaian Sumbangan Ad-Hoc Fasa 1 tahun 2026. Kenyataan bahawa kerajaan negeri bercadang meneruskan Fasa 2 pada bulan Mei menggambarkan kesinambungan dasar, bukan bantuan bermusim yang terputus-putus.

Terdahulu, pada 8 Mac YB Saizol Ismail juga menyempurnakan program seumpama itu di DUN Salor dengan menyantuni 200 armalah tanpa mengira bangsa dan agama dipilih sebagai penerima sumbangan fasa pertama menjelang Aidilfitri. Ini menunjukkan bahawa kerangka kebajikan negeri bergerak dalam semangat inklusif. Dalam konteks masyarakat majmuk, pendekatan sebegini sangat penting bagi mengukuhkan kohesi sosial dan rasa kepunyaan bersama terhadap institusi negeri.

Disusuli pada 12 Mac, YB Nik Bahrum Nik Abdullah menyampaikan bantuan kepada 364 armalah di DUN Chempaka. Beliau turut berkongsi kisah seorang armalah yang kehilangan suami pada usia muda, lalu membesarkan lima anak sehingga daripada sebuah lori kecil akhirnya berkembang kepada syarikat pengangkutan besar, mengingatkan kita bahawa kebajikan paling berkesan ialah yang menyalakan keberanian, bukan yang memadamkan ikhtiar. Cerita seperti ini membuktikan bahawa apabila

bantuan awal, ruang peluang dan sokongan moral diberikan, golongan yang pernah terhimpit juga boleh menjadi agen mobiliti sosial.

Kesimpulan

Inisiatif kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan terhadap armalah tidak wajar dilihat sebagai bantuan bersifat rutin, sebaliknya sebagai terjemahan falsafah pentadbiran yang memuliakan insan, mengiktiraf pengorbanan dan meletakkan kebajikan dalam kerangka amanah negeri.

Pendekatan ini seiring dengan semangat Khalifah Umar al-Khattab yang menilai kekuatan pemerintahan melalui keupayaan melindungi golongan rentan. Hal ini diperkukuh

menerusi pelaksanaan Program Himpunan Armalah DUN Fasa 1 di semua 45 DUN seluruh Kelantan dari 5 hingga 17 Mac 2026. Susulan itu, Fasa 2 dijadualkan pada Mei hingga Jun 2026 dengan peruntukan RM60,000 bagi setiap DUN, melibatkan implikasi kewangan keseluruhan RM2.7 juta.

Justeru, apabila armalah disantuni dengan hormat, anak yatim dibantu meneruskan pendidikan, dan keluarga rentan diperkasa untuk bangkit, maka kebajikan menjadi jambatan maruah dan bahasa kasih sayang pemimpin-rakyat. Sekali gus bukti bahawa pentadbiran yang baik sentiasa bermula dengan kecaknaan pemimpin untuk melihat air mata rakyat sebagai urusan bersama.



Pasaraya Kito Pahi rancakkan ekonomi Kuala Krai - YB Hilmi

Oleh: Syamimi Manah

KUALA KRAI, 15 Mac – Pembukaan Pasaraya Kito cawangan Pahi di Laman Firdaus, Bandar Baru Kuala Krai dijangka merancakkan lagi perkembangan ekonomi setempat selain memberi manfaat kepada penduduk sekitar.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kelantan YB Hilmi Abdullah berkata, pasaraya yang membawa tema “Jimat dan murah, pastinya Kito” itu menawarkan pelbagai barangan keperluan harian keluarga pada harga yang berpatutan kepada masyarakat.

Menurutnya, pembukaan pasaraya tersebut bukan sahaja memudahkan penduduk mendapatkan barangan keperluan, malah turut membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

“Pasaraya Kito telah mengambil seramai 80 orang penduduk tempatan untuk mengisi pelbagai jawatan termasuk jurujual, penguasaan, unit logistik dan bahagian penyelenggaraan.

“Ini secara tidak langsung memberi peluang pekerjaan kepada



penduduk tempatan yang terlibat dengan sektor makanan dan minuman (F&B),” katanya dalam satu kenyataan di laman rasmi pada Khamis.

Beliau yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Guchil berkata, selain Pasaraya Kito, beberapa pasaraya lain turut beroperasi di Jajahan Kuala Krai seperti Pasaraya Pantai Timur, Pasaraya Econjaya, Pasaraya PKT dan Pasaraya Jaya Gading serta beberapa pasaraya kecil di kawasan pinggir bandar.

Menurutnya, kewujudan pasaraya baharu itu juga dijangka meningkatkan nilai pasaran hartanah di sekitar Mukim Pahi selain menjadi pusat aktiviti ekonomi.



“Pasaraya ini dijangka akan merancakkan lagi ekonomi tempatan kerana ia akan menjadi pusat aktiviti ekonomi yang bakal menghubungkan pengeluar, pembekal, usahawan kecil dan pengguna dalam satu ekosistem ekonomi yang sihat dengan penduduk di pinggir bandar sehingga ke Jajahan Gua Musang,” ujarnya.

Tambahnya, situasi tersebut turut memberi kesan positif kepada kedai dan kiosk jualan sedia ada milik usahawan bumiputera serta industri kecil dan sederhana (IKS) melalui peningkatan aktiviti jual beli di kawasan berkenaan.

Terdahulu, YB Hilmi memenuhi undangan untuk merasmikan

pembukaan Pasaraya Kito cawangan Pahi. Pada awal tahun lalu, beliau turut merasmikan pembukaan cawangan pertama pasaraya tersebut di Tok Bali.

Turut hadir, Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latiff Abdul Rahman dan Ketua Jajahan Kuala Krai merangkap Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Krai Mohd Shaifudeen Md Salleh.

YB Hilmi turut merakamkan ucapan tahniah kepada Pasaraya Kito atas pembukaan cawangan baharu itu dan berharap ia dapat menarik lebih banyak pelaburan serta membantu menjadikan Kuala Krai sebagai pusat komersial baharu di jajahan berkenaan.

Kelantan sokong pembangunan ekonomi digital belia



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 16 Mac – Kerajaan Negeri Kelantan menyokong penuh usaha memperkasa belia melalui pembangunan ekonomi digital selaras dengan perubahan landskap ekonomi masa kini.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Mohamad berkata inisiatif berkenaan dilihat mampu membuka lebih banyak peluang kepada belia Kelantan untuk menceburi bidang keusahawanan digital sekali gus meningkatkan daya saing

mereka di peringkat lebih tinggi.

Menurutnya, pembangunan ekonomi digital dalam kalangan belia penting bagi memastikan generasi muda negeri ini tidak ketinggalan dalam memanfaatkan kemajuan teknologi serta peluang ekonomi baharu yang semakin berkembang.

Terdahulu, beliau menerima kunjungan daripada Sekretariat Kelantan Youth Digitalpreneur (KYD) bagi satu sesi pertemuan dan pembentangan berkaitan perancangan pembangunan usahawan digital belia di negeri ini, di bi-



lik mesyuarat pejabat exco, pada Khamis.

Katanya, dalam pertemuan tersebut turut berlangsung pelantikan rasmi Sekretariat KYD sebagai pasukan yang akan menggerakkan agenda pembangunan ekonomi digital dalam kalangan belia di Kelantan.

“Perbincangan turut menyentuh hala tuju serta kerangka pelaksanaan inisiatif KYD bagi tahun 2026 yang bertujuan memperkukuh penglibatan belia dalam sektor ekonomi digital di samping membuka lebih banyak peluang kepada

generasi muda untuk memanfaatkan perkembangan teknologi masa kini,” katanya menerusi media sosial, pada Jumaat.

YB Zamakhshari turut merakamkan penghargaan kepada pihak sekretariat atas komitmen serta idea yang dibentangkan dalam usaha memperkasa ekonomi digital belia negeri ini.

Beliau berharap inisiatif berkenaan dapat direalisasikan dengan baik demi manfaat serta masa depan belia Kelantan.

Untuk rekod, Sekretariat KYD merupakan pasukan yang dilantik untuk menggerakkan agenda pembangunan ekonomi digital dalam kalangan belia di Kelantan, di bawah sokongan kerajaan negeri.

Pasukan ini bertanggungjawab merancang dan melaksanakan inisiatif pembangunan usahawan digital belia bagi tahun 2026, bertujuan memperkukuh penglibatan generasi muda dalam sektor ekonomi digital.

100 anak yatim terima manfaat SPY-Diraasah menjelang Syawal

Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 16 Mac – Sebanyak 100 anak yatim menerima bantuan melalui Skim Anak Yatim (SPY-Diraasah) sebagai usaha berterusan Kerajaan Negeri Kelantan dalam membantu golongan yang memerlukan, khususnya anak-anak yatim, lebih-lebih lagi menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan yang Ahli Dewan Negeri (ADN) Temangan, Dato' Mohamed Fadzli Hassan di Pusat Khidmat DUN Temangan, Dewan Dato' Haji Hassan pada Khamis lalu.

Beliau berkata, bantuan itu di-



harap dapat meringankan beban para penerima di samping memberi kegembiraan kepada anak-anak yatim dalam membuat persiapan menyambut Syawal bersama keluarga.

“Bantuan yang disampaikan ini diharap dapat memberi sedikit kelegaan kepada para penerima serta membolehkan mereka membuat persiapan Aidilfitri dengan lebih sempurna,” katanya.

Tambahnya, Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa cakna dan berusaha menzahirkan komitmen berterusan dalam membantu golongan anak yatim agar kebajikan mereka sentiasa terpelihara.



AI pemangkin transformasi digital Kelantan – Exco Teknologi Digital



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 17 Mac – Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat memaklumkan bahawa potensi kecerdasan buatan (AI) dalam meningkatkan kecekapan sistem serta mempercepatkan analisis data menjadi antara fokus utama dalam perancangan pembangunan digital negeri.

Menurutnya, penggunaan AI dikenal pasti sebagai pemangkin utama dalam mempercepatkan transformasi digital Kelantan, sejajar usaha kerajaan negeri memperkukuh pembangunan teknologi

dan ekonomi berasaskan inovasi.

Jelasnya, perkara tersebut dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi Negeri Kelantan Bilangan 1 Tahun 2026 yang berlangsung di Bilik Gerakan Negeri, Mabna Kompleks Kota Darulnaim, semalam.

“Mesyuarat ini turut memberi penekanan kepada usaha memperkasa agenda teknologi hijau, digital dan inovasi bagi memastikan Kelantan terus berkembang selari dengan arus kemajuan teknologi, khususnya dalam memanfaatkan keupayaan AI,” katanya menerusi media sosial, pada Isnin.

Beliau juga memaklumkan bahawa satu pembentangan khas oleh syarikat telekomunikasi CelcomDigi turut memberi gambaran menyeluruh mengenai potensi aplikasi AI dalam pembangunan teknologi digital di negeri ini.

“Kerjasama erat antara kerajaan negeri, agensi serta pihak industri akan terus diperkukuh bagi memastikan agenda transformasi digital dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan. Insya-Allah, melalui sinergi ini, Kelantan akan terus bergerak seiring dengan perkembangan teknologi semasa serta memanfaatkan inovasi digital untuk kesejahteraan rakyat,” katanya.

Tambahnya, teknologi AI berupaya meningkatkan kecekapan

penyampaian perkhidmatan, memperkukuh pengurusan data serta menyokong pertumbuhan ekonomi digital, sekali gus membuka peluang baharu kepada pembangunan negeri.

“Penggunaan AI mampu mempercepatkan proses analisis data, meningkatkan kecekapan sistem serta menyokong perancangan strategik kerajaan negeri dalam pelbagai sektor,” ujarnya.

Mesyuarat tersebut turut dihadiri Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau dan Inovasi YB Kamaruzzaman Mohamad, selain ketua jabatan dan wakil agensi berkaitan yang terlibat secara langsung dalam pembangunan sektor pendidikan dan teknologi negeri.



Ahli Parlimen Pengkalan Chepa santuni penduduk Kampung Sungai Budor sempena Ramadan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 17 Mac – Ahli Parlimen Pengkalan Chepa Dato' Dr Ahmad Marzuk Shaary menyantuni 300 penduduk Kampung Sungai Budor melalui program agihan juadah iftar dan biskut hari raya, semalam.

Program tersebut dilaksanakan dengan kerjasama Ameerah Kawasan Pengkalan Chepa yang turut turun padang mengagihkan sumbangan kepada mereka yang menetap di kawasan persisiran sungai Kelantan.

Dalam ucapannya, Dato' Dr Ahmad Marzuk menegaskan bahawa Ramadan merupakan bulan yang mendidik umat Islam untuk menghayati nilai kebersamaan serta keprihatinan terhadap golongan lain.



“Kebahagiaan sebenar ketika berbuka puasa bukan hanya terletak pada juadah yang dinikmati, sebaliknya pada keupayaan untuk berkongsi rezeki dan menggembirakan orang lain pada waktu tersebut,” ujarnya.

Beliau turut menyatakan bahawa terdapat dalam kalangan penerima yang menzhahirkan kegembiraan walaupun hanya menerima

sumbangan yang sederhana, sekali gus mencerminkan bahawa keikhlasan dalam memberi mampu memberikan makna yang besar kepada kehidupan masyarakat.

“Setiap sumbangan yang disalurkan, walaupun kecil, mempunyai nilai yang besar di sisi Allah SWT sekiranya dilaksanakan dengan penuh keikhlasan,” katanya.

Menurutnya, usaha kebajikan

seperti itu wajar diteruskan sebagai medium memperkukuh hubungan sesama masyarakat, di samping menyemai nilai kasih sayang berteraskan iman.

“Program ini juga menjadi antara inisiatif berterusan dalam menyantuni rakyat serta mendekatkan kepimpinan dengan masyarakat setempat sepanjang bulan Ramadan,” jelasnya.



Pengguna jalan raya diingatkan utamakan keselamatan menjelang Aidilfitri – YB Hilmi

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 17 Mac – Pengguna jalan raya di negeri ini diingatkan supaya sentiasa mengutamakan keselamatan dan mematuhi peraturan ketika memandu, lebih-lebih lagi menjelang musim perayaan Aidilfitri.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasan Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Negeri Kelantan Bil. 1/2026, di Mabna, pada Isnin.

Menurutnya, mesyuarat tersebut turut membentangkan laporan tahunan MKJR bagi tahun 2025 yang merangkumi pelbagai inisiatif keselamatan jalan raya, termasuk program penukaran topi keledar dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

“Program ini berjaya mengagihkan lebih 3,000 unit topi keledar baharu kepada penunggang motosikal daripada pelbagai peringkat umur, selain pelaksanaan ceramah



serta kempen keselamatan jalan raya di peringkat jajahan,” katanya di laman rasmi, semalam.

Beliau turut memaklumkan bahawa kempen keselamatan jalan raya akan terus dipergiat secara berterusan, khususnya ketika musim perayaan yang menyaksikan peningkatan jumlah kenderaan di jalan raya.

“Sepanjang tahun 2025, sebanyak 13,784 kes kemalangan telah direkodkan di seluruh Kelantan,

dengan 309 kes melibatkan kematian dan 113 kes menyebabkan kecederaan parah.

“Statistik ini menunjukkan trend kematian yang masih belum menurun berbanding tahun-tahun sebelumnya,” ujarnya.

Sehubungan itu, beliau merayu kepada semua pengguna jalan raya agar memandu secara berhemah dan mematuhi peraturan demi mengelakkan tragedi yang boleh meragut nyawa.

“Saya amat berharap tiada lagi keluarga yang perlu bersedih pada pagi hari raya akibat kecuaiannya di jalan raya,” katanya.

Dalam perkembangan sama, MKJR Kelantan akan menganjurkan program menyambut kepulangan perantau pada 17 Mac bermula pukul 10.00 pagi di dua pintu masuk utama negeri iaitu di hadapan JPAM Kampung Pahi dan di Jeli.

Manakala bagi program menghantar pulang perantau, ia akan diadakan pada 25 Mac di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Bukit Yong serta di Gua Musang.

Menurutnya, pelbagai bahan kempen keselamatan jalan raya akan diedarkan kepada pengguna, selain sedikit juadah kuih raya dan cenderahati sebagai tanda penghargaan.

YB Hilmi turut mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh rakyat serta mengingatkan agar sentiasa berhati-hati ketika memandu dan menghargai insan tersayang.

Keputusan SMU, SMTQ 2025 meningkat: 268 pelajar capai 10 Mumtaz

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 27 Mac – Keputusan peperiksaan Sijil Menengah Ugama (SMU) dan Sijil Menengah Tahfiz Al-Quran (SMTQ) 2025 menunjukkan peningkatan sebanyak 1.6 peratus berbanding tahun 2024.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata sebanyak 4,780 pelajar atau 93.78 peratus daripada 5,097 calon yang menduduki peperiksaan itu berjaya lulus.

Menurutnya, pencapaian kecermerlangan pangkat Mumtaz (Cemerlang) turut meningkat kepada 1,061 calon berbanding 625 calon pada tahun lalu.

“Bagi pangkat Jaiyyid Jiddan (Amat Baik), seramai 1,064 calon direkodkan berbanding 1,446 calon pada 2024.

“Pangkat Jaiyyid (Baik) pula mencatatkan 1,402 calon berbanding 1,548 calon pada tahun lalu, manakala pangkat Maqbul (Lulus) seramai 1,253 calon berbanding 1,333 calon pada 2024.”

Beliau berkata demikian ketika mengumumkan keputusan peperiksaan SMU, SMTQ dan STUP di Dewan Yayasan Islam Kelantan (YIK), Tunjong, sini hari, ini.



Katanya, pencapaian terbaik 10 Mumtaz bagi semua mata pelajaran turut menunjukkan peningkatan ketara apabila seramai 268 pelajar berjaya mencapainya berbanding hanya 90 calon pada tahun lalu.

Dari segi Gred Purata Sekolah (GPS), Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat Pulai Chondong mencatatkan GPS 1.05, diikuti Maahad Tahfiz Sains Nurul Tahfiz Hidayah Tualang Tinggi (GPS 1.12) dan Maahad Tahfiz Al-Quran Darul Saadah Lilbanat Beta Hulu (GPS 1.19).

Sementara itu, bagi peperiksaan Sijil Tinggi Ugama Pondok (STUP), seramai 49 calon menduduki peperiksaan pada tahun ini, meningkat berbanding 30 calon pada 2024.

Daripada jumlah itu, seramai 44

calon lulus dengan peratus kelulusan 89.80 peratus berbanding 86.87 peratus pada tahun lalu.

Pencapaian terbaik lapan Mumtaz bagi semua mata pelajaran pula dicatatkan oleh empat calon, berbanding tiada calon pada tahun 2024.

Selain itu, sejumlah 18 calon memperoleh pangkat Mumtaz, diikuti 12 calon pangkat Jaiyyid Jiddan, 12 calon pangkat Jaiyyid dan dua calon pangkat Maqbul.

Dalam pada itu, Dato' Wan Roslan merakamkan ucapan tahniah kepada semua pelajar dan sekolah yang mencatatkan pencapaian cemerlang dalam peperiksaan tersebut.

Beliau memperakui kejayaan itu adalah hasil usaha gigih pelajar, bimbingan guru serta sokongan

padu ibu bapa dan pihak sekolah.

“Kerajaan negeri menyediakan laluan luas kepada pelajar untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi termasuk peluang melanjutkan pengajian di Tunisia dan Algeria dalam pelbagai bidang,” katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) serta Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) atas sumbangan dan peranan mereka dalam menyokong kecemerlangan pelajar.

Katanya, kerajaan negeri Kelantan melalui portfolio pendidikan akan terus komited memperkasakan pendidikan agama selaras dengan dasar “Membangun Bersama Islam”.

60 anak yatim DUN Gaal terima sumbangan baju raya tajaan TM

Oleh: Irham Hilmi Hashim

PASIR PUTEH, 17 Mac 2026 – Sebanyak 60 anak-anak yatim dan asnaf disantuni Ahli Dewan Negeri (ADN) Gaal YB Mohd Rodzi Ja'afar melalui Program Sumbangan Baju Raya DUN Gaal yang berlangsung di Econjaya, Bandar Pasir Puteh, semalam.

Menurut YB Rodzi, program tajaan Telekom Malaysia (TM) itu bertujuan meringankan beban keluarga mereka dalam menyediakan kelengkapan pakaian Hari Raya Aidilfitri, disamping menceriaikan suasana sambutan untuk anak-anak yang kurang bernasib baik.

“Sumbangan yang diagihkan membolehkan setiap anak-anak

yatim memilih pakaian raya masing-masing, sekali gus menyerikan sambutan Aidilfitri mereka. Kami amat menghargai semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini, khususnya Telekom Malaysia sebagai penaja utama,” ujarnya.

Beliau juga berterima kasih kepada Pasaraya Econjaya yang memudahkan proses pemilihan dan pembelian pakaian raya bagi setiap penerima.

Turut hadir, Pemangku Ketua Balai Pasir Puteh Sarjan Norashikin Yahya dan Penghulu Nor Aisyah Izuddin selaku penyelaras program bersama pihak TM dan Econjaya.



Perkukuh keterjaminan makanan, Kelantan ambil iktibar model pertanian Iran

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 17 Mac – Kelantan terus memperkukuh agenda keterjaminan makanan negeri dengan meneladani pendekatan strategik sektor pertanian Iran yang terbukti mampu bertahan walaupun berdepan tekanan geopolitik dan sekatan ekonomi berpanjangan.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata antara kekuatan utama Iran ialah pelaksanaan dasar sara diri makanan yang dijadikan sebahagian daripada strategi keselamatan negara sejak Revolusi Iran.

Menurutnya, pendekatan tersebut memberi keutamaan kepada pengeluaran makanan asas melalui pelbagai inisiatif termasuk subsidi, jaminan harga pembelian oleh kerajaan serta pelaburan berterusan dalam sektor pertanian.

“Langkah ini membolehkan Iran menghasilkan sebahagian besar keperluan makanan asas sendiri, sekali gus meningkatkan tahap sara diri walaupun masih bergantung kepada import bagi komoditi tertentu,” katanya menerusi media sosial, hari ini.

Beliau berkata, selain dasar sara

diri, aspek pengurusan air turut menjadi faktor penting dalam kelangsungan sektor pertanian Iran, khususnya melalui penggunaan sistem pengairan tradisional seperti qanat, selain penambahbaikan teknologi pengairan moden bagi meningkatkan kecekapan penggunaan air.

Tambahnya, Iran juga mengekalkan simpanan makanan strategik serta menyediakan pelbagai program sokongan kepada petani bagi memastikan pengeluaran makanan kekal stabil walaupun berdepan tekanan ekonomi.

Bagaimanapun, beliau mengakui negara tersebut masih berdepan cabaran seperti kemarau, perubahan iklim, kekurangan sumber air serta kekangan import teknologi pertanian.

Mengulas lanjut, Dato' Tuan Mohd Saripudin berkata pendekatan berkenaan memberi pengajaran penting kepada Kelantan dalam memperkukuh sektor pertanian sebagai asas ketahanan negeri.

Sehubungan itu, beliau memaklumkan bahawa Kelantan kini mempergiat pelaksanaan Gerakan Pertanian Al-Falah, yang memberi penekanan kepada pemodenan sektor pertanian melalui penggunaan teknologi seperti Internet of Things



(IoT), sistem pemantauan pintar serta penglibatan lebih aktif golongan belia dalam bidang agro.

“Pendekatan ini bertujuan memastikan sektor pertanian tidak lagi dilihat sebagai sektor tradisional semata-mata, sebaliknya sebagai sektor masa depan yang berasaskan teknologi, inovasi dan keusahawanan,” jelasnya.

Beliau berkata usaha tersebut turut diperkukuh melalui kerjasama erat antara kerajaan negeri dengan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), institusi penyelidikan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta komuniti petani.

Menurutnya, sinergi bersepadu

itu membolehkan pelaksanaan program pembangunan pertanian secara lebih tersusun, merangkumi aspek teknologi, latihan kepada petani serta usaha menarik minat generasi muda.

“Dalam dunia yang semakin tidak menentu, pertanian bukan sekadar sektor ekonomi, tetapi asas kepada ketahanan sesebuah negeri.

“Keterjaminan makanan bukan hanya tanggungjawab portfolio ini semata-mata, sebaliknya memerlukan penglibatan seluruh jentera kerajaan dan masyarakat bagi memastikan sistem pengeluaran makanan terus berfungsi dengan baik,” ujarnya.

Ramadan Lite Talk: JAHEAIK pergiatkan dakwah secara digital



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 17 Mac – Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) mempergiat pendekatan dakwah digital sempena Ramadan menerusi pelaksanaan program Ramadan Lite Talk, yang menyampaikan mesej rohani dan motivasi secara ringkas, padat serta mudah diakses oleh masyarakat.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud

memaklumkan bahawa program tersebut dikendalikan oleh Bahagian Dakwah JAHEAIK melalui platform J-TV Studio JAHEAIK, dengan menampilkan tazkirah berdurasi antara tiga hingga empat minit sepanjang bulan Ramadan.

Menurutnya, kandungan tazkirah yang disampaikan oleh pegawai dan kakitangan JAHEAIK sarat dengan pengajaran serta peringatan yang relevan untuk diamalkan dalam kehidupan seharian.

“Pendekatan penyampaian yang santai, padat dan mudah diakses membolehkan mesej rohani disampaikan secara berkesan, khususnya kepada masyarakat yang aktif menggunakan media sosial,” katanya, ketika dihubungi hari ini.

Program berkenaan dimulakan pada 1 Ramadan oleh beliau sendiri dengan tajuk “Ramadan Bulan Keampunan” sebagai pembuka tirai siri perkongsian.

Selain itu, JAHEAIK turut memperluas penyampaian dakwah melalui siri “Light of Ramadan – A Message for All” yang disampaikan dalam pelbagai bahasa termasuk Bahasa Inggeris, Tamil, Thai, Mandarin dan Bahasa Orang Asli bagi memastikan mesej Ramadan dapat disampaikan secara inklusif kepada pelbagai lapisan masyarakat.

YB Mohd Asri turut merakam-

kan penghargaan kepada JAHEAIK atas kejayaan melaksanakan inisiatif berkenaan, termasuk komitmen tinggi pegawai dan kakitangan yang terlibat.

Beliau turut menzahirkan penghargaan khusus kepada Penolong Pengarah Kanan (Dakwah dan Ukhuwah) Bahagian Dakwah JAHEAIK, Suratemi Mat Yusof, atas peranan dalam menjayakan program tersebut.

“Syabas kepada seluruh warga JAHEAIK yang berjaya membawa mesej Ramadan secara kreatif, inklusif dan dekat dengan masyarakat,” ujarnya.

Beliau berharap inisiatif itu dapat terus menjadi platform berkesan dalam menyemarakkan penghayatan Ramadan serta menyampaikan ilmu dan motivasi rohani secara berterusan kepada masyarakat.

Tempahan hotel di Kelantan cecah 90 peratus menjelang Aidilfitri

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 17 Mac – Kadar tempahan bilik hotel dan penginapan di Kelantan dilaporkan mencecah sehingga 90 peratus menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri, susulan peningkatan keupulangan perantau ke negeri ini.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata situasi tersebut telah dijangka berikutan permintaan tinggi terhadap kemudahan penginapan, termasuk hotel dan inap desa (homestay).

Menurutnya, sebahagian perantau memilih untuk menginap di premis komersial berikutan kediaman keluarga tidak lagi mampu menampung jumlah ahli keluarga yang semakin bertambah.

“Hotel dan homestay menjadi pilihan utama perantau yang pulang berhari raya bersama ibu bapa serta sanak saudara, khususnya apabila kapasiti rumah keluarga adalah terhad.



“Selain itu, kadar harga penginapan di Kelantan yang secara relatifnya lebih rendah berbanding negeri lain turut menjadi faktor tarikan kepada pengguna,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Tambahnya, peningkatan kadar tempahan tersebut mencerminkan perkembangan positif sektor pelancongan domestik serta industri penginapan di negeri ini.

Dalam pada itu, Datuk Kamarudin menjangkakan pembinaan projek Laluan Rel Pantai Timur

(ECRL) dan Lebuhraya Central Spine Road (CSR) yang dijadualkan siap tahun hadapan akan terus merencanakan pergerakan perantau, sekali gus memberi impak positif kepada pelbagai sektor ekonomi negeri.

“Apabila kemudahan infrastruktur ini siap, ia dijangka memudahkan perantau untuk pulang dengan lebih kerap, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi rakyat,” jelasnya.

Beliau turut merakamkan peng-

hargaan kepada pemain industri penginapan di Kelantan, termasuk Persatuan Hotel Malaysia (MAH) dan Persatuan Hotel Bajet Malaysia (MyBHA), atas usaha menyediakan promosi serta pakej menarik sempena musim perayaan.

Menurutnya, komitmen berterusan pemain industri tersebut membantu memastikan sektor pelancongan dan hospitaliti negeri kekal berdaya saing serta mampu memenuhi permintaan yang meningkat



Skuad Bantu Kuala Krai tawar khidmat sukarela sempena Aidilfitri



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 17 Mac – Sempena musim perayaan Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba, satu inisiatif bantuan jalan raya secara sukarela dikenali sebagai Skuad Bantu Aidilfitri 2026 akan dilaksanakan bagi membantu para perantau pulang ke kampung halaman dengan lebih selamat.

Operasi tersebut dijadualkan bermula 17 Mac dan berakhir pada pukul 3 pagi 1 Syawal.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata,

program tersebut merupakan usaha bersama beberapa pihak termasuk MKJR Negeri Kelantan, Taskforce Kuala Krai, Barracuda Adv Team, Lacar Group, Al-Amin Towing dan AF Towing.

Katanya, pasukan sukarelawan akan ditempatkan di beberapa laluan utama sekitar jajahan Kuala Krai serta kawasan berhampiran seperti Tanah Merah dan Machang.

“Antara lokasi tumpuan termasuk Dabong, Manik Urai, Guchil dan Telekong yang sering menjadi laluan utama perantau.

“Inisiatif ini bertujuan memban-

tu pengguna jalan raya yang berdepan masalah seperti tayar pancit, kenderaan rosak atau kemalangan kecil sepanjang perjalanan pulang beraya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika bersiaran melalui rancangan Fokus terbitan Urus setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN), hari ini.

Tambahnya, bantuan diberikan secara sukarela tanpa sebarang bayaran, dengan keutamaan memastikan keselamatan pengguna jalan raya serta kelancaran perjalanan mereka.

Orang ramai yang memerlukan bantuan boleh menghubungi talian

hotline yang disediakan iaitu 011-1100 1091.

Dalam pada itu, YB Hilmi turut menasihati pengguna jalan raya agar sentiasa mematuhi peraturan, memandu dengan cermat serta berhenti berehat sekiranya mengantuk bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini.

“Ingatlah, di penghujung perjalanan nanti ada insan tersayang yang menunggu keupulangan anda,” pesannya.

Skuad Bantu Kuala Krai turut mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua perantau yang pulang ke kampung halaman.



Sila hubungi jika anda dalam kecemasan

HOTLINE

011-110 1091 (IDI POKDI)
010-909 0555 (FADIR)
019-939 4886 (YOE)

KAMI SEDIA MEMBANTU



KIAS rangka Pelan Transformasi 2026, sasar status universiti penuh 2027

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 18 Mac – Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) mengorak langkah strategik melalui pelan transformasi tadbir urus dan kepimpinan yang komprehensif bagi mencapai status Universiti Penuh menjelang tahun 2027.

Inisiatif tersebut memberi penekanan kepada integrasi kekuatan visi, integriti serta nilai Rabbani sebagai asas memperkukuh kecemerlangan institusi dalam landskap pendidikan tinggi.

Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Kamaruzaman Mohamad, berkata beberapa langkah strategik telah digariskan hasil dapatan kajian menyeluruh bagi memperkasa institusi berkenaan.

Menurutnya, antara fokus utama termasuk pemerkasaan kemudahan pengajaran dan pembelajaran (PdP), penjagaan kebajikan staf secara holistik serta pelaksanaan transformasi digital dalam ekosistem kampus.

“Pembangunan sahsiah pelajar



dan tadbir urus yang cekap berlandaskan prinsip Ubudiyah, Mas’uliyah dan Itqan (UMI) turut diberi tumpuan utama dalam usaha melonjakkan imej KIAS,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam program Seminar Kajian Kompetensi Kepimpinan dan Penambahbaikan Tadbir Urus ke Arah Kelestarian KIAS Tahun 2026 di Bilik Kuliah 12, KIAS, semalam.

Tambahnya, kejayaan merangka pelan transformasi tersebut merupakan hasil kerjasama pelbagai pihak yang terlibat dalam kajian berkenaan, sekali gus mencerminkan

komitmen kolektif ke arah memperkukuh hala tuju institusi.

YB Kamaruzaman yang juga Pengerusi Lembaga Pengelola KIAS menzahirkan sokongan penuh terhadap pelaksanaan strategi tersebut sebagai langkah memastikan kelestarian, kemajuan serta pengukuhan identiti Rabbani institusi berkenaan.

“Usaha ini memerlukan dukungan berterusan semua pihak bagi memastikan KIAS terus berkembang sebagai institusi pendidikan tinggi yang unggul dan berdaya saing,” katanya.

“

Usaha ini memerlukan dukungan berterusan semua pihak bagi memastikan KIAS terus berkembang sebagai institusi pendidikan tinggi yang unggul dan berdaya saing,”

Sementara itu, Pengarah Pusat Kajian Strategik (PKS) Dato’ Dr. Wan Nik Wan Yussof, selaku Ketua Penyelidik membentangkan dapatan kajian yang merangkumi analisis empirikal serta cadangan resolusi komprehensif bagi memperkukuh tadbir urus KIAS.

Program turut diserikan dengan sesi wacana interaktif kendalian Pengarah Institut Latihan Darul Naim (ILDAN) Dr. Azizi Umar bersama barisan panel yang membincangkan pendekatan strategik ke arah memperkasa kepimpinan dan pengurusan institusi.





Tempahan hotel di Kelantan cecah 90 peratus menjelang Aidilfitri

PEKA agih 300 pek bubur lambuk kepada pengguna jalan raya

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 18 Mac – Pusat Integrasi Antara Kaum (PEKA) Negeri Kelantan tidak ketinggalan melakukan kebajikan apabila mengagihkan sebanyak 300 pek bubur lambuk kepada pengguna jalan raya di Jalan Kebun Sultan di sini, pada Isnin.

Pengagihan bubur lambuk tersebut dilaksanakan oleh Penyelia Dewan Negeri (DUN) Kota Lama Nur Syakiman Mohamad bersama Pengerusi PEKA Lim Guang Seng, di hadapan pejabat Dewan Himpunan Penyokong PAS, Jalan Kebun Sultan.

Pengarah Pusat Khidmat DUN Kota Lama Dato' Sr. Zamri Ismail berkata usaha PEKA yang terus komited menganjurkan program kebajikan walaupun dalam bulan puasa amat wajar dihargai.



“Terima kasih kepada PEKA kerana tetap menjayakan program bersama dalam bulan puasa ini walaupun berbeza agama,” katanya ketika berucap pada majlis berkenaan.

Selain agihan bubur lambuk, program itu turut menyaksikan penyampaian sumbangan barangan dapur sumbangan Tauke Minyak

Masak 303 Gan Leong Piow kepada golongan memerlukan di DUN Kota Lama.

“Terima kasih kepada Encik Gan kerana sudi berkongsi rezeki dengan rakyat, khususnya di DUN Kota Lama,” katanya.

Penyelia DUN Kota Lama Nur Syakiman Mohamad turut menzahirkan penghargaan atas sumbangan

yang diberikan.

“Saya mewakili DUN Kota Lama mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Gan atas kemurahan hati beliau menyumbang kepada masyarakat. Kita sangat bersyukur dan berbangga kerana masih ada individu seperti Encik Gan yang sudi berkongsi rezeki demi kesejahteraan masyarakat setempat,” katanya.



Penerbangan terus Jakarta-Kota Bharu bermula Jun, potensi LTSIP jadi pintu masuk antarabangsa



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 16 Mac – Penerbangan terus dari Jakarta ke Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Pengkalan Chepa yang dijadualkan bermula 16 Jun depan oleh syarikat penerbangan Air Asia dijangka berpotensi menjadikan LTSIP sebagai pintu masuk antarabangsa utama di Pantai Timur.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB


Datuk Kamarudin Md Nor berkata kerajaan negeri mengalu-alukan inisiatif penerbangan langsung Jakarta-Kota Bharu dengan kekerapan empat kali seminggu kerana ia bakal meningkatkan status LTSIP sebagai lapangan terbang yang bukan sahaja berfungsi untuk penerbangan domestik, bahkan memperluas jaringan antarabangsa.

Menurutnya, perkhidmatan baharu itu dijangka memberi manfaat kepada rakyat Kelantan dan pelancong dari negeri-negeri berham-

piran serta kawasan selatan Thailand.

“Kita menjangkakan bukan sahaja rakyat Kelantan akan menggunakan perkhidmatan ini, bahkan pelancong dari Terengganu dan selatan Thailand juga berpotensi menjadikan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra sebagai pintu keluar masuk ke Jakarta,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau juga memaklumkan bahawa perkembangan tersebut selari dengan usaha berterusan kerajaan



negeri untuk menjadikan LTSIP sebagai hab penerbangan utama di Pantai Timur yang menghubungkan beberapa destinasi serantau.

Menurutnya, antara laluan yang diharapkan dapat direalisasikan pada masa hadapan termasuk penerbangan terus ke Bangkok (Thailand), Phnom Penh (Kamboja) dan Ho Chi Minh City (Vietnam).

“Kita berharap aspirasi menjadikan LTSIP sebagai hab penerbangan serantau di Pantai Timur akan menjadi kenyataan, sekali gus memperkukuh sektor pelancongan dan ekonomi negeri,” katanya.

Tambahnya, usaha memperluas jaringan penerbangan antarabangsa sebenarnya telah menunjukkan perkembangan positif apabila penerbangan terus Kota Bharu-Singapura mula beroperasi sejak pertengahan tahun lalu melalui syarikat penerbangan Scoot Airlines.